

ADAT PERKAHWINAN MASYARAKAT MELAYU PERLIS : Melamar

Oleh: ABDUL GHANI ON

Di kalangan masyarakat Melayu, perkahwinan merupakan satu upacara yang panjang lebar dan memerlukan masa yang agak panjang. Majlis perkahwinan ini banyak dipengaruhi oleh kebudayaan-kebudayaan yang telah diperturunkan sejak berabad-abad dahulu. Ini dilakukan kerana adanya anggapan bahawa perkahwinan seseorang itu merupakan hari yang istimewa baginya dan bagi seorang gadis pula merupakan berakhirnya kawalan dan perhatian ibu bapa terhadapnya.

Perkahwinan di dalam masyarakat Melayu, sama ada di bandar atau di luar bandar adalah satu peristiwa yang mesti dilakukan menurut adat atau susunan yang telah dilazimkan oleh sesuatu masyarakat itu sendiri.

Dalam keluaran yang lalu, telah dikemukakan adat merisik dan merasi yang merupakan di antara adat istiadat penting di dalam sesebuah perkahwinan. Keluaran kali ini pula akan mengetengahkan adat melamar, yang tidak kurang juga pentingnya dalam menuju ke gerbang perkahwinan.

“kalau hendak melamar anak, ‘lamar’ ibu bapanya dahulu dan ciri-ciri penting yang dititik beratkan ialah sekiranya gadis tersebut sudah khatam Al-Quran, pandai membaca dan melagukan ayat-ayat Suci.....

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang adat tersebut, saya sempat menyelidiki di kalangan mereka yang lebih mengetahui. Salah seorang penduduk yang ditemui ialah Tuan Haji Abdullah bin Haji Arif, berumur 86 tahun yang tinggal di hadapan Madrasah Ahmadiyah, Kampung Tengah.



Wakil pihak lelaki dalam upacara melamar


Menurut Tuan Haji Abdullah, orang-orang tua dahulu berpegang kuat pada bidalan *“kalau hendak melamar anak, ‘lamar’ ibu bapanya dahulu”* dan ciri-ciri penting yang dititikberatkan ialah sekiranya gadis tersebut sudah khatam Al-Quran, pandai membaca dan

melakukan ayat-ayat Suci tersebut serta mengerti pula sedikit sebanyak hukum-hakam mengenai agama Islam.

Tambah beliau lagi, setelah urusan merisik dan merasi sempurna dilakukan, pihak lelaki berkenaan berpuas hati dengan keadaan gadis tersebut serta seluruh ahli keluarganya, langkah seterusnya yang perlu dilakukan ialah upacara melamar. Ini dilakukan oleh pihak lelaki terhadap pihak perempuan untuk melahirkan tujuan mereka yang sebenarnya secara rasmi.

Tuan Haji Abdullah menjelaskan, telah menjadi lumrah pihak lelaki tidak akan datang sendiri sebaliknya menghantar wakil atau utusan ke rumah gadis yang hendak dilamar. Walaupun pihak lelaki sudah sedia maklum bahawa lamaran itu akan diterima, namun demikian syarat menghantar wakil atau utusan ini perlu dilakukan sebagai pintu untuk membuka kira bicara.

Kebiasaanya wakil atau utusan tadi tidak akan mengemukakan pertanyaan mengenai gadis tersebut secara berterus terang kepada penjaga atau kedua ibu bapanya ketika mereka memulakan perbualan. Sebaliknya dengan kebijaksanaan wakil tadi, sedikit sebanyak akan diselitkan juga pertanyaan-pertanyaan mengenai diri gadis tersebut di dalam perbualan mereka. Ada juga kata-kata kiasan dengan keindahan susunan kata dan kehalusan budi bahasa digunakan untuk menyampaikan maksud atau hajat di hati mereka. Contohnya seperti, "*Cantik sungguh bunga di taman larangan tuan, sudahkah kumbang datang menyunting? Kalau belum, kami ingin menyunting buat penyeri si kumbang yang sunyi.*" Itulah kata-kata kiasan yang sering digunakan oleh wakil atau utusan tadi bagi menyampaikan maksud kedatangan mereka. Ini dilakukan secara tidak langsung tetapi mempunyai maksud untuk bertanyakan sama ada si gadis sudah mempunyai atau belum. Apabila dirasakan bahawa masa yang sesuai telah tiba untuk menyatakan hajat sebenar, barulah wakil tadi akan berterus terang.



Tuan Haji Abdullah bin Haji Arif, 86

Menurut Tuan Haji Abdullah lagi, selalunya keputusan daripada pihak perempuan tidak diberitahu ketika itu juga kerana pada amalannya pihak ibu bapa atau penjanganya

perlu berunding dengan empunya diri terlebih dahulu iaitu bakal pengantin perempuan dan dengan saudara-maranya yang terdekat. Di samping itu ruang masa untuk memberikan jawapan ini boleh digunakan oleh pihak gadis untuk menyelidiki latar belakang lelaki yang melamar tadi terutama pekerjaan, pendidikan dan perkara-perkara yang lain yang perlu diketahui.

Pihak perempuan dengan cara tersendiri akan cuba mendapatkan maklumat tentang diri lelaki tersebut termasuk merasi kalau difikirkan perlu.

Setelah lamaran diterima, istiadat pertunangan akan meyusuli pada tarikh yang telah dipersetujui, jelas Tuan Haji Abdullah mengakhiri perbualan.

BIBLIOGRAFI

- 1. Istiadat Perkahwinan Melayu, Satu Kajian Perbandingan - Amran Kasimin. DBP, Kuala Lumpur. 1989.*
- 2. Temubual dengan Tuan Haji Abdullah bin Haji Arif.*

